

**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
TAWARAN SEBUT HARGA**

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang memiliki **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK)**, dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor/ syarikat juga perlu berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/ perkhidmatan/ bekalan berikut:

No. Sebut Harga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S25/2023	Panel Kontraktor Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di Kawasan MPP Zon 1 Majlis Perbandaran Kajang	KKM	221002	RM50.00	24 April 2023 Hingga 8 Mei 2023
MPKj S26/2023	Panel Kontraktor Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di Kawasan MPP Zon 2 Majlis Perbandaran Kajang				
MPKj S27/2023	Panel Kontraktor Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di Kawasan MPP Zon 3 Majlis Perbandaran Kajang				
MPKj S28/2023	Panel Kontraktor Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di Kawasan MPP Zon 4 Majlis Perbandaran Kajang				
MPKj S29/2023	Panel Kontraktor Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di Kawasan MPP Zon 5 Majlis Perbandaran Kajang				
MPKj S30/2023	Panel Kontraktor Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di Kawasan MPP Zon 6 Majlis Perbandaran Kajang				
MPKj S31/2023	Panel Kontraktor Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di Kawasan MPP Zon 7 Majlis Perbandaran Kajang				
MPKj S32/2023	Panel Kontraktor Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di Kawasan MPP Zon 8 Majlis Perbandaran Kajang				
MPKj S33/2023	Panel Kontraktor Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di Kawasan MPP Zon 9 Majlis Perbandaran Kajang				
MPKj S34/2023	Panel Kontraktor Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di Kawasan MPP Zon 10 Majlis Perbandaran Kajang				

No. Sebut Harga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S35/2023	Panel Kontraktor Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di Kawasan MPP Zon 11 Majlis Perbandaran Kajang	KKM	221002	RM50.00	24 April 2023 Hingga 8 Mei 2023
MPKj S36/2023	Panel Kontraktor Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di Kawasan MPP Zon 12 Majlis Perbandaran Kajang				
MPKj S37/2023	Panel Kontraktor Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di Kawasan MPP Zon 13 Majlis Perbandaran Kajang				

DOKUMEN MEJA TAWARAN

Penyebut Harga boleh merujuk Dokumen Meja Tawaran di laman sesawang Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) di <http://www.mpkj.gov.my/ms>.

Penyebut Harga terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara atas talian di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran.

Sila pastikan **MAKLUMAT SYARIKAT** (nombor telefon yang boleh dihubungi dan email) di dalam Sistem Tender Online Selangor 2.0 **DIKEMASKINI**.

Pembelian Dokumen Tawaran secara atas talian diwajibkan melampirkan salinan resit asal bayaran semasa tarikh tutup sebut harga. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di muka surat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.

Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **24 APRIL 2023 HINGGA 8 MEI 2023**. Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

TARIKH PENYERAHAN

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan **dimasukkan ke dalam Peti Tawaran** atau menggunakan perkhidmatan Pos Berdaftar/ Kurier dan memastikan Dokumen tersebut selamat tiba **SEBELUM atau PADA 8 MEI 2023 (ISNIN) JAM 12.00 TENGAH HARI** di alamat:

**Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kajang
(Peti Sebut Harga/ Tender)
Tingkat 6A
Bahagian Pengurusan Kontrak dan Ukur Bahan
Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih
Off Jalan Semenyih
43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan**

Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Pihak tuan/ puan hendaklah lengkap divaksinasi dengan 2 dos dan telah melepasi tempoh masa yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semasa menghantar Dokumen Tawaran dan digalakkan untuk menghantar Dokumen Tawaran seawal tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan. Ini adalah bagi memastikan Prosedur Operasi Standard (SOP) dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semasa menghantar Dokumen Tawaran seperti memastikan penjarakan fizikal dipatuhi dan tidak dibenarkan menghantar Dokumen Tawaran secara berkumpulan.

LAWATAN TAPAK

Lawatan tapak adalah tidak diwajibkan. Namun begitu, Penyebut Harga dinasihatkan supaya melawat tapak projek sebelum mengemukakan sebut harga bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan tapak bina yang akan dihadapi. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah pembinaan atau menghargakan sebut harga disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan tapak bina tidak akan dilayan.

Dalam hal ini, sekiranya Penyebut Harga mahu melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan, amalan penjarakan, penggunaan 'hand sanitizer' dan pemakaian 'face mask' perlu dipatuhi seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).